

Imigresen lanjut waktu operasi 6 pejabat bagi urus pasport

Putrajaya: Jabatan Imigresen (Imigresen) melanjutkan waktu operasi enam pejabatnya hingga jam 10 malam mulai esok untuk mengatasi kesesakan berikutan peningkatan mendadak permintaan untuk urusan pasport.

Ketua Pengarah Imigresen, Datuk Seri Khairul Dzaimie Daud, berkata pejabat terbabit lanjutan operasi adalah Putrajaya, Kuala Lumpur, Selangor, Johor, Negeri Sembilan dan Melaka.

Bagi Pulau Pinang, Kedah, Perak, Kelantan, Terengganu, Kelantan dan Perlis waktu operasi adalah hingga jam 6 petang, manakala bagi semua Pusat Transformasi Bandar (UTC) di Semenanjung hingga 10 malam.

Semua pejabat pasport di Semenanjung beroperasi pada Sabtu jam 8 pagi hingga 12.30 tengah hari bermula 14 Mei.

“Bagi rakyat Malaysia yang akan mengerjakan ibadah Haji boleh terus hadir ke mana-mana pejabat pengeluar pasport dengan membawa surat tawaran daripada Tabung Haji (TH) dan kaunter khas yang disediakan,” katanya pada sidang media Penambahbaikan Perkhidmatan Kaunter Pengeluaran Pasport Malaysia Antarabangsa semalam.

Sejak pembukaan pintu sempadan negara pada 1 April lalu jumlah peningkatan pengeluaran Pasport Malaysia Antarabangsa (PMA) adalah sebanyak 40 peratus.

Hingga 6 Mei, sebanyak 165,449 PMA dikeluarkan pejabat Imigresen seluruh negara berbanding 111,931 PMA yang dikeluarkan pada Mac 2022.

Negeri yang mencatatkan permohonan PMA tertinggi adalah Putrajaya, Johor, Selangor, Kuala Lumpur dan Pulau Pinang.

Dalam tempoh itu seramai 1,388,434 rakyat Malaysia telah membuat perjalanan ke luar negara bagi urusan rasmi Kerajaan, menunaikan umrah dan haji, perniagaan, menyambung pelajaran, perubatan dan lawatan sosial.

Khairul Dzaimie berkata, berdasarkan maklum balas yang diterima daripada orang ramai, isu yang dikenal pasti dalam proses permohonan PMA adalah isu lewat menerima notifikasi melalui e-mel selepas permohonan, masalah untuk memuat naik gambar dan masalah cap jari.

Selain itu, pelanggan juga menghadapi masalah tidak mendapat nombor giliran dan terpaksa menunggu lama.

Sehubungan itu, Imigresen telah memansuhkan Sistem Temujanji Online (STO) bagi semua pejabat pengeluar pasport di seluruh negara Rabu ini.